



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

RUKUN TETANGGA PROGRESIF UNTUK MANFAAT BERSAMA

KUALA LUMPUR, 28 Ogos 2025 – Rukun Tetangga Progresif bukan sahaja berperanan dalam menjana pendapatan komuniti, namun perlu dikembalikan semula kepada masyarakat dalam bentuk “**Manfaat Bersama**” (*Shared Benefits*). Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di **Majlis Jamuan Muhibah sempena Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga** di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kg. Kasipillay, hari ini.

Jelas YB Datuk Aaron Ago Dagang, semua KRT di seluruh negara perlu menjadikan **prinsip Manfaat Bersama** ini sebagai roh perjuangan supaya setiap **usaha, inisiatif dan kejayaan ekonomi dicapai dapat memberi nilai tambah** kepada komuniti setempat. Sebagai contoh, keuntungan daripada aktiviti ekonomi komuniti boleh digunakan untuk menambah baik kemudahan bersama seperti balai komuniti atau pusat aktiviti, membiayai program pendidikan dan latihan kemahiran untuk anak muda setempat serta menyokong bantuan kebajikan kepada golongan rentan dalam kawasan kejiranan.

Dalam ucapannya, beliau turut menyeru agar generasi muda **menyertai dan memainkan peranan aktif menerusi platform Jiran Muda iaitu dengan mewajibkan keahlian KRT sekurang-kurangnya 30 peratus daripada golongan muda**. Sebagai rekod, sehingga kini terdapat seramai 34 orang Pengerusi KRT berumur di bawah 30 tahun.

Majlis Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga ini diadakan sebagai platform menghargai kejayaan serta pencapaian Rukun Tetangga sepanjang lima (5) dekad penubuhannya. Sehingga kini, terdapat **8,586 buah KRT telah ditubuhkan di seluruh negara**. KRT terawal telah diwujudkan pada 1 Januari 1974 di KRT Kampung Baru Macap Baru manakala pada 29 Ogos 1975, KRT telah ditubuhkan secara rasmi di seluruh negara di Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur.

Majlis turut menyaksikan perasmian Monumen 50 Tahun Jubli Emas Rukun Tetangga sebagai simbol pengiktirafan kepada jasa dan pengorbanan pada sukarelawan KRT sepanjang lima dekad.

Kementerian Perpaduan Negara
28 Ogos 2025
KPN.100-9/1/16 (69)